

16/01/2003

Syor Dr M pengerusi Majlis Sosial Negara

PUTRAJAYA: Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat mencadangkan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempengerusikan Majlis Sosial Negara.

Majlis itu adalah satu mekanisme untuk menyelaras Dasar Sosial Negara yang akan menentukan hala tuju dan pembangunan sosial di negara ini.

Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata Perdana Menteri sedang meneliti pelaksanaan majlis itu selain menunggu maklum balas daripada kementerian dan agensi lain yang berkaitan.

"Pada keseluruhannya, tak ada masalah mewujudkan Dasar Sosial Negara tetapi ada input tambahan daripada beberapa pihak lain kerana ini kali pertama satu cadangan dasar akan mengikat semua dasar lain berkaitan sosial," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas diminta mengulas perkembangan penggubalan Dasar Sosial Negara yang dibentangkan dalam mesyuarat Kabinet.

Bercakap kepada pemberita selepas menghadiri majlis makan tengah hari menteri Kabinet bersama Perdana Menteri di sini, semalam, Dr Siti Zaharah, berkata majlis itu akan bertindak melalui jawatankuasa pembangunan daerah supaya isu sosial boleh dimasukkan dalam agenda tindakan daerah masing-masing.